

UKM, AMIC, PROMETIL jalin kerjasama aeroangkasa

Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Institusi Pengajian Etnik (KITA-UKM) kini menjadi peneraju di dunia dalam pemilihan pekerja aeroangkasa.

Pencapaian itu diraih selepas UKM menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan Pusat Inovasi Aeroangkasa Malaysia (AMIC) dan sebuah syarikat kejuruteraan berpangkalan di Perancis, PROMETIL SARL (PROMETIL), di sini, baru-baru ini.

Perjanjian itu diadakan bagi merangka satu sistem yang mampu memilih pekerja yang mahir, bukan sahaja dalam bidang kejuruteraan, malah mampu

mengatasi masalah bahasa.

Pengarah KITA-UKM, Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, berkata projek berkenaan adalah pertama kali diperkenalkan di dunia, iaitu menyediakan sumber manusia yang sesuai untuk bekerja dalam bidang aeroangkasa.

Beliau berkata, masalah pertembungan bahasa adalah perkara biasa yang akan timbul kerana pekerja tidak dilatih untuk memahami terma yang digunakan dalam prosedur kerja kerana kebanyakannya datang dari luar negara.

"Masalah pertembungan bahasa akan berlaku kerana terdapat perbezaan makna

yang diterjemah oleh pekerja dan menyebabkan terjadinya salah faham.

Perisian bahasa

"Kami yakin projek ini akan berjaya dengan adanya pembabitkan daripada pakar kejuruteraan, sains sosial, pentadbir dan linguistik," katanya.

Calon yang ingin bekerja dalam bidang aeroangkasa akan melalui beberapa fasa ujian, termasuklah ujian personaliti dan ujian daya fikir secara kritikal.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif AMIC, Dr Liew Kan-Ern, berkata sebuah perisian bahasa akan dicipta untuk menyelaraskan penggunaan



Prof Ulung Datuk Dr Shamsul dan Dr Liew menyerahkan MOA masing-masing, baru-baru ini

terma supaya pekerja yang mempunyai latar bidang berbeza boleh memahami terma digunakan.

"Revolusi Industri 4.0 tidak semestinya memabitkan mesin yang

canggih, sebaliknya perlu diseimbangkan dengan tenaga kerja yang mampu mengendalikannya.

"Melalui projek ini, kami berharap dapat melahirkan pekerja dari Malaysia

khususnya, yang mampu bekerja dalam bidang aeroangkasa dan pada masa sama dapat menaikkan nama Malaysia dalam bidang berkenaan," katanya.